

Kerjasama Malaysia, Namibia diperluas: PM

BH - 21/4/2007

Usahawan diminta manfaat peluang, kukuh hubungan dagang



WINDHOEK: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, masyarakat perniagaan Malaysia dan Namibia belum memanfaatkan sepenuhnya peluang ditawarkan kedua-dua negara dan mahu hubungan dagangan diperkukuhkan.

Perdana Menteri berkata, sejak 2004, hubungan perdagangan dua hala kedua-dua negara amat rendah kerana ia hanya membabitkan kurang 0.01 peratus daripada nilai keseluruhan dagangan Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, jumlah dagangan Malaysia-Namibia menunjukkan aliran meningkat apabila pada 2006, ia bertambah pada paras paling tinggi iaitu AS\$29 juta (RM102 juta), dengan eksport bernilai ASD6.7 bilion (RM23 juta) dan import, ASD22.3 juta (RM78.1 juta).


Sementara produk yang diperdagangkan terlalu sedikit, merangkumi hanya kain tekstil dan batu permata.

"Saya juga mendapati pelaburan bersilang Malaysia dan Namibia amat rendah. Ketika ini, hanya sebuah syarikat Malaysia terbabit dalam industri kain di negara ini.

"Saya dimaklumkan syarikat Malaysia berminat dalam industri automotif, farmaseutikal, pertanian, kewangan dan perkhidmatan telekomunikasi di negara ini. Saya berharap mereka dapat menemui rakan kongsi," katanya ketika menyampaikan ucapan utama pada majlis Forum Perniagaan Malaysia-Namibia, di sini, semalam.

Perdana Menteri dalam peringkat akhir lawatan kerja ke tiga negara di Afrika. Sebelum ini, beliau melawat Sudan dan Kenya. Turut serta Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

"Malaysia mempromosi perkongsian kepakaran dan pengalaman rakyat kedua-dua negara menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia dengan ramai pegawai Namibia menyertai kursus jangka pendek di Malaysia," katanya.



BAWA MISI: Abdullah disambut Hifikepunye Pohamba ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Hosea Kutako, di Namibia, semalam.

Beliau berkata, Namibia boleh menggunakan Malaysia untuk memasuki pasaran Asean, manakala Malaysia menjadikan Namibia sebagai pintu masuk utama ke rantau selatan Afrika.

Abdullah juga berharap usahawan Malaysia dan Namibia dapat membentuk kesepakatan strategik dalam memajukan bidang pelancongan.

Dalam pertemuan dua hala delegasi kedua-dua negara di sini, semalam, Abdullah berharap Malaysia dan Namibia dapat bekerjasama bu-

FAKTA NOMBOR

Dagangan Malaysia-Namibia 2006

RM23j

Eksport

RM78.1j

Import

kan saja untuk kepentingan bilateral, tetapi dalam konteks keselamatan dan keamanan sejagat.

Presiden Namibia, Hifikepunye Pohamba, dalam ucapannya menyatakan hasrat negara itu untuk belajar dari Malaysia dalam pelbagai aspek termasuk pembangunan perusahaan kecil dan sederhana.

Beliau turut menghargai usaha dan komitmen Perdana Menteri selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dalam isu Palestin dan Asia Barat.